

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	WUJUDKAN AGENSI SEPERTI AKPS SEKAT PENYELUDUPAN SISA DUNIA
	SUMBER	BH (22 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

BH1 Khamis, 22 Januari 2026

MindaPembaca

13

Wujudkan agensi seperti AKPS sekat penyeludupan 'sisa dunia'

Haris Riduan, Sepang

Amat mengejutkan dengan pendedahan terbaharu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai kewujudan syarikat milik warga asing menjalankan perniagaan mengimport sisa elektronik (e-waste), kertas dan plastik secara haram untuk dikitar semula.

Persoalan besar yang berlegar ialah bagaimana kegiatan ini boleh berlaku sejak sekian lama dan berterusan tanpa dikesan lebih awal. Lebih membimbangkan, ia didalangi warga asing yang mampu beroperasi dan berurus niaga seolah-olah mematuhi undang-undang.

Kegiatan mengimport e-waste secara haram pasti tidak berlaku 'sekelip mata'. Ia memerlukan rangkaian sindiket dan logistik terancang daripada pengisytiharan di pelabuhan, kelulusan dokumen, pelepasan kastam sehingga operasi pemprosesan di darat.

Justeru, kewujudan ribuan kontena e-waste yang lolos daripada tapisan pihak berkuasa pelabuhan menandakan kelemahan serius dalam sistem kawal selia dan penguatkuasaan.

Persoalan utama ialah bagaimana syarikat milik warga asing boleh berurus niaga dalam sektor yang bersifat berisiko tinggi seperti pengurusan sisa tanpa pemantauan ketat.

Adakah pihak bertanggungjawab mengeluarkan dan meluluskan lesen serta syarikat menutup sebelah mata atau wujud penipuan dalam urusan pendaftaran sejak awal.

Di sini dapat dilihat kelemahan pada peringkat awal ini mendorong kepada penipuan operasi bertopengkan lesen pendaftaran syarikat, sekali gus membolehkan operasi haram ini bertapak di negara ini.

Wujud ancaman, risiko tinggi

Kita menyedari bahaya dan ancaman terhadap kesihatan jika sisa elektronik yang diisytihar sebagai bahan kitar semula ini diproses untuk menghasilkan barang kepenggunaan.

Dalam hal ini, Malaysia tidak sepatutnya menjadi destinasi 'kegemaran' sindiket untuk menyeludup sisa elektronik dari seluruh dunia.

Kemasukan sisa elektronik secara haram bukan sahaja mencemar imej negara, malah membebankan sistem kesihatan, merosakkan alam sekitar

dan menjejaskan komuniti setempat.

Sudah tiba masanya pengurusan sisa dikawal secara menyeluruh bermula di pintu masuk dan pelabuhan hingga ke tapak pemrosesan. Ini menuntut integriti pihak berkuasa di pintu masuk negara.

Jika perlu, wujudkan agensi khas seperti Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) bagi membendung penyeludupan sisa elektronik atau apa juga 'sisa dunia' daripada dilambakkan ke negara ini.



Penguatkuasaan lebih ketat wajar dilaksanakan pihak berkuasa bagi mengelak Malaysia terus menjadi destinasi sindiket menyeludup sisa e-waste. (Foto hiasan)

2.	TAJUK	SYARIKAT WARGA ASING DISYAKI DALANG IMPORT E-WASTE HARAM
	SUMBER	BH (22 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

Syarikat warga asing disyaki dalang import e-waste haram

SPRM turut buru pihak berkuasa disyaki bersubahat

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnewsbh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat dipercayai milik warga asing disyaki menjadi dalang mengimport sisa elektronik (e-waste), plastik dan kertas secara haram untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

Perkara berkenaan dikesan hasil risikan terbaharu dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang giat memburu dalang, termasuk pihak berkuasa disyaki bersubahat, berkait kes pencemaran berterusan angkara e-waste dibawa masuk secara haram ke negara ini.

Setakat ini, SPRM mengesan sekurang-kurangnya 2,000 hingga 3,000 kontena mengandungi e-waste diseludup masuk melalui pelabuhan utama negara.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya

(Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata pihaknya akan memperhebatkan siasatan terhadap premis disyaki terbabit pengimportan e-waste secara haram ke Malaysia, termasuk syarikat dipercayai dimiliki warga asing.

"Syarikat berkenaan disyaki mengimport sisa elektronik, plastik dan kertas untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

"Komponen berharga seperti tembaga, aloi dan emas diambil, manakala baki sisa dilupuskan secara membakar, menanam atau dibuang terus sehingga mencemarkan udara serta sumber air.

"Kita tidak menolak kemungkinan kegiatan itu dilindungi oleh pihak berkuasa tertentu yang sepatutnya bertanggungjawab mengekang kemasukan sisa pepejal berkenaan.

"Jika tidak dibanteras secara menyeluruh, ia berpotensi mengakibatkan pencemaran serius kepada negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Khusairi berkata, SPRM melalui Mesyuarat Petugas Khas Berkaitan Penguatkuasaan E-Waste bekerjasama dengan 12 agensi, termasuk Agensi Kawalan Penerimaan Sisa, Polis Diraja Malaysia

"Kita tidak menolak kemungkinan kegiatan itu dilindungi oleh pihak berkuasa tertentu yang sepatutnya bertanggungjawab mengekang kemasukan sisa pepejal berkenaan"



Ahmad Khusairi Yahaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM

(PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, bagi menangani isu berkenaan

Teliti undang-undang khusus

"Mesyuarat itu akan meneliti undang-undang khusus berkaitan e-waste dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan lebih berkesan bagi memastikan kegiatan penyeludupan berkenaan dapat dibanteras hingga ke akar umbi.

"SPRM memandang serius isu ini dan memberi amaran kepada pihak berkuasa terbabit agar segera menghentikan pengimportan e-waste," katanya.

E-waste mengandungi bahan toksik seperti plumbum, merku-

ri, kadmium, bahan kalis api berasaskan bromin serta asid daripada bateri dan jika tidak diuruskan dengan betul, bahan berkenaan boleh bocor ke dalam tanah, air dan udara.

Antara kesannya terhadap alam sekitar dan kesihatan ialah ia boleh mengakibatkan pencemaran tanah serta air yang menjejaskan pertanian dan sumber air.

Selain itu, pencemaran udara akibat pembakaran secara terbuka yang menyebabkan risiko kesihatan seperti masalah pernafasan, gangguan saraf dan kerosakan buah pinggang, selain risiko kepada kanak-kanak serta pekerja tidak dilindungi.

Di Malaysia, e-waste diklasifikasikan sebagai sisa terdajual.

3.	TAJUK	AKTIVITI PERLOMBONGAN MUNGKIN PUNCA AIR SUNGAI PERAK JADI BIRU
	SUMBER	BH (22 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	22 (NASIONAL)

Aktiviti perlombongan mungkin punca air Sungai Perak jadi biru

Kuala Lumpur: Air Sungai Perak di kawasan Parlimen Gerik didapati bertukar biru berikutan dipengaruhi kehadiran logam berat atau bahan kimia tertentu yang mungkin berpunca daripada aktiviti perlombongan.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup, berkata ia berdasarkan hasil pemerhatian awal oleh pasukan petugas khas yang dianggotai pelbagai agensi.

"Selain itu, pembukaan tanah bagi aktiviti lain juga boleh menyumbang kepada insiden berkenaan berikutan sifat geologi di kawasan Hulu Perak yang dikenal pasti mempunyai kandungan mineral tinggi.

"Bagaimanapun, penentuan punca yang muktamad masih memerlukan pengesahan analisis makmal dan penilaian lanjut," katanya dalam jawapan bertulis



Foto fail menunjukkan air Sungai Perak di kawasan Parlimen Gerik yang bertukar kepada warna biru.

disiarkan dalam laman sesawang Parlimen, di sini semalam.

Bagi penyelesaian jangka panjang, Arthur berkata, NRES akan terus memperkukuhkan tadbir urus serta kawal selia aktiviti perlombongan bawah bidang kuasa kementerian melalui penguatku-

saan peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) perlombongan yang ketat.

Beliau berkata, ia termasuk pematuhan syarat kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dikeluarkan JAS, dan memperkukuhkan syarat berkaitan pe-

ngurusan rawatan efluen lombong.

"Ia turut membabitkan kawalan hakisan dan sedimen bagi kelulusan Skim Pengendalian Perlombongan (OMS) yang dikeluarkan JMG," katanya.

Pada Oktober 2025, isu pencemaran sungai di kawasan Parlimen Gerik, khususnya berkaitan air Sungai Perak bertukar biru tular dalam media sosial sehingga dikhuatiri merjejaskan kualiti air, keselamatan dan kesihatan penduduk setempat.

NRES mengaktifkan gerak kerja petugas khas pada 26 dan 27 November lalu, membabitkan agensi teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Tenaga Atom, Jabatan Kimia Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

4.	TAJUK	3000 KONTENA LOLOS PELABUHAN NEGARA
	SUMBER	HARIAN METRO (22 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (LOKAL)

SPRM GEMPUR SYARIKAT WARGA ASING IMPORT E-WASTE

3,000 kontena lolos pelabuhan negara

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
muhafis@mediamartina.com.my

Putrajaya

Syarikat dipercayai milik warga asing menjadi dalang mengimport sisa elektronik, plastik serta kertas secara haram untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

Susulan itu, Suruhanjaya PENCEGAHAN RASUAH Malaysia (SPRM) akan memperhebatkan siasatan terhadap premis yang terlibat dalam pengimportan sisa elektronik (e-waste) secara haram ke negara ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata, hasil risikan mendapati dianggarkan antara 2,000 hingga 3,000 kontena mengandungi e-waste diseludup masuk melalui pelabuhan utama negara.

Menurutnya, syarikat ini dipercayai dimiliki oleh warga asing dan mengimport sisa elektronik, plastik serta

kertas untuk diproses bagi tujuan kitar semula.

"Komponen berharga seperti tembaga, aluminium dan emas diambil, manakala baki sisa dilupuskan secara membakar, menanam atau dibuang terus sehingga mencemarkan udara dan sumber air.

"SPRM tidak menolak kemungkinan kegiatan ini dilindungi oleh pihak berkuasa tertentu yang sepatutnya bertanggungjawab mengekang kemasukan sisa pepejal terbabit," katanya.

Beliau berkata, jika tidak dibanteras secara menyeluruh, ia berpotensi mengakibatkan pencemaran serius kepada negara.

"Bagi menangani isu ini, Mesyuarat Petugas Khas Berkaitan Penguatkuasaan E-Waste telah ditubuhkan dengan keanggotaan 12 agensi termasuk SPRM, Agensi Kawalan Penerimaan Sisa (AKPS), Polis Diraja Malaysia

(PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Mesyuarat ini akan meneliti undang-undang khusus berkaitan e-waste dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi memastikan kegiatan penyeludupan dapat dibanteras sehingga ke akar umbi," katanya dalam kenyataan semalam.

Harian Metro sebelum ini mendedahkan Malaysia terus menjadi destinasi lambakan sisa e-waste dari negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan United Kingdom (UK).

Malah ada yang sanggup membayar upah lumayan kepada pengimport bagi melupuskan 'sampah' itu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Piawain dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SI-RIM) QAS Inter-

national Ts Md Adha Rahmat dilaporkan berkata, pihaknya bimbang ada pengimport yang mengambil kesempatan membawa masuk e-waste itu bukan untuk diproses semula sebaliknya mereka menerima bayaran untuk dilupuskan dengan cara yang tidak sah di negara ini.

Muka depan Harian Metro sebelum ini turut menunglai modus operandi penyeludup menggunakan deklarasi palsu bagi membolehkan sisa plastik tercemar atau tidak diproses diisytiharkan sebagai barangan lain, sekali gus mengaburi pihak berkuasa ketika pemeriksaan.

Bagaimanapun, helah pengimport menyeludup masuk sisa plastik ke negara ini terbongkar apabila JKDM menggagalkan 50 cubaan penyeludupan sejak 2023 hingga 30 Jun lalu membabitkan hampir dua juta kilogram (kg) sisa plastik dengan nilai melebihi RM5.57 juta.

Kebanyakan kes dikesan menggunakan pengiklanan tidak tepat serta memanipulasi kod barangan bagi mengelakkan pemeriksaan terperinci.



MALAYSIA jadi destinasi lambakan sisa e-waste dari negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan United Kingdom.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**